



24 Ogos 2023  
24 August 2023  
P.U. (A) 254

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGEQUALIAN) (NO. 3) 2023

*PESTICIDES (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Racun Makhluk Perosak (Pengecualian) (No. 3) 2023**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 2 Jun 2023 hingga 31 Disember 2023.

**Pengecualian**

2. Tertakluk pada perenggan 3, Menteri mengecualikan Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran Syarikat: 201001023293 (907064-U)) berhubung dengan racun makhluk perosak yang mengandungi *dimethyl disulfide* (DMDS) sebagai perawis aktifnya daripada—

- (a) kehendak untuk mendaftarkan racun makhluk perosak itu di bawah seksyen 7 Akta;
- (b) larangan di bawah perenggan 13(1)(b) Akta bagi maksud pengimportan racun makhluk perosak itu; dan
- (c) kehendak untuk mendapatkan lesen menjual atau menyimpan untuk jualan racun makhluk perosak itu di bawah seksyen 17 Akta.

**Syarat pengecualian**

3. (1) Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk pada syarat yang berikut:

- (a) Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. hendaklah mengimport racun makhluk perosak itu hanya kepada Pengerang Refining Company Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran Syarikat: 201301028727 (1058557-T));
- (b) Pengerang Refining Company Sdn. Bhd. hendaklah menggunakan racun makhluk perosak itu hanya bagi maksud operasi minyak dan gas;
- (c) Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. hendaklah mengemukakan maklumat bagi maksud pendaftaran kepada Lembaga sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 2005 [*P.U. (A) 302/2005*] dalam tempoh pengecualian;
- (d) Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. hendaklah mengemukakan satu salinan pesanan pembelian racun makhluk perosak itu kepada Lembaga setiap kali sebelum pengimportan racun makhluk perosak itu dijalankan; dan
- (e) Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. hendaklah mengemukakan suatu laporan yang disediakan oleh Pengerang Refining Company Sdn. Bhd. kepada Lembaga pada setiap bulan berkenaan dengan—
  - (i) pengimportan racun makhluk perosak itu oleh Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd.; dan
  - (ii) penggunaan racun makhluk perosak itu oleh Pengerang Refining Company Sdn. Bhd.

(2) Menteri boleh membatalkan pengecualian di bawah perenggan 2 jika mana-mana syarat di bawah subperenggan (1) tidak dipatuhi.

Dibuat 31 Julai 2023  
[KP/LA/8/11; PN(PU2)275/XXIII]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU  
*Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan*

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 59 of the Pesticides Act 1974 [*Act 149*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Pesticides (Exemption) (No. 3) Order 2023**.

(2) This Order has effect for the period from 2 June 2023 to 31 December 2023.

**Exemption**

2. Subject to paragraph 3, the Minister exempts Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. (Company Registration Number: 201001023293 (907064-U)) in relation to a pesticide containing dimethyl disulfide (DMDS) as its active ingredient from—

- (a) the requirement to register the pesticide under section 7 of the Act;
- (b) the prohibition under paragraph 13(1)(b) of the Act for the purpose of importation of the pesticide; and
- (c) the requirement to obtain a license to sell or store for sale the pesticide under section 17 of the Act.

**Conditions of exemption**

3. (1) The exemption under paragraph 2 is subject to the following conditions:

- (a) Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. shall import the pesticide only to Pengerang Refining Company Sdn. Bhd. (Company Registration Number: 201301028727 (1058557-T));

- (b) Pengerang Refining Company Sdn. Bhd. shall use the pesticide only for the purposes of oil and gas operation;
- (c) Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. shall submit information for the purposes of registration to the Board as required under the Pesticides (Registration) Rules 2005 [*P.U. (A) 302/2005*] within the period of exemption;
- (d) Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. shall submit one copy of purchase order of the pesticide to the Board each time before the importation of the pesticide is carried out; and
- (e) Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. shall submit a report prepared by Pengerang Refining Company Sdn. Bhd. to the Board each month in respect of—
  - (i) the importation of the pesticide by Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd.; and
  - (ii) the use of the pesticide by Pengerang Refining Company Sdn. Bhd.

(2) The Minister may revoke the exemption under paragraph 2 if any condition under subparagraph (1) is not complied with.

Made 31 July 2023  
[KP/LA/8/11; PN(PU2)275/XXIII]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU  
*Minister of Agriculture and Food Security*